

## **KAJIAN PERBANDINGAN KARYA *ULUM AL-QURAN* DAN FAIDH AL-RAHMAN FI BAYAN *ULUM AL-QURAN***

Abdul Halim bin Abdul Karim<sup>1</sup>  
Umi Rahimah binti Abd. Wahab<sup>2</sup>

### **Abstrak**

*Kajian ini adalah bagi mengkaji dan membuat perbandingan terhadap dua (2) buah karya Ulum al-Quran yang terdapat di Malaysia iaitu karya Ulum al-Quran karangan Asmawi Haji Ali dan Karya Faidh al-Rahman fi Bayan Ulum al-Quran hasil garapan Abdoul Karim Toure & Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat. Pemilihan kedua-dua karya ini dilakukan adalah bertepatan dengan perkembangan ilmu Ulum al-Quran yang semakin meluas di era ini sehingga memberi kesan kepada tahap penguasaan ilmu al-Quran sama ada dari segi penulisan mahupun bentuk-bentuk pengajian yang dilaksanakan. Metodologi kajian adalah berdasarkan analisis dokumen dan hasil dari kajian yang dijalankan telah menemukan wujudnya beberapa persamaan dan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua karya merangkumi aspek tujuan penulisan yang dilakukan, penyusunan topik, bahasa yang digunakan dalam penulisan, dan juga sumber rujukan. Justeru itu, kemunculan kedua-dua karya ini telah memberikan sumbangan yang sangat signifikan dalam memacu kefahaman dan pengetahuan umat Islam terhadap Ulum al-Quran. Ini kerana menguasai Ulum al-Quran merupakan wasilah terhadap memahami dan menghayati al-Quran dengan sempurna. Namun begitu, terdapat beberapa bentuk penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memastikan kedua-dua karya ini terus berperanan dalam memberikan sumbangan yang besar dalam penyebaran ilmu Ulum al-Quran itu sendiri.*

**Kata Kunci:** *Ulum Al-Quran, Kajian Perbandingan, Kekuatan, Penambahbaikan*

### **PENGENALAN**

Al-Quran merupakan sumber utama kepada kehidupan dan perundungan umat Islam. Ia merupakan dalil atau nas yang paling kuat di antara nas-nas Syarak. Al-Quran juga difahami sebagai mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT ke atas Nabi Muhammad SAW sebagai wasilah bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan kepada kebenaran dan membacanya merupakan sebagai suatu ibadah (Manna al-Qattan, 2007). Dalam Matan Jauharah Tauhid karangan Imam al-Laqqani (w.1041H), pada rangkap yang ke-73, beliau menyebut bahawa, “Mukjizat Baginda SAW amat banyak lagi nyata, sebahagian daripadanya ialah Kalamullah (al-Quran) yang dapat melemahkan manusia” (Akli Ahmad, 2015).

Bagi memahami dan mendalami al-Quran secara mendalam dan spesifik, ia memerlukan kepada suatu ilmu dan kemahiran bagi memastikan objektif, kefahaman dan pentafsirannya tidak tersasar daripada matlamatnya yang utama, iaitu sebagai sumber ulung rujukan umat Islam. Untuk itu, para ulama telah menyusun satu ilmu yang berkaitan dengan al-Quran iaitu ilmu *Ulum al-Quran*. *Ulum al-Quran* merupakan salah satu bidang yang penting bagi membolehkan seseorang itu memahami, mendalami dan menafsirkan al-Quran dengan baik dan tepat. Ilmu ini ditakrif para ulama sebagai ilmu yang membahaskan aspek-

<sup>1</sup> Penulis merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

<sup>2</sup> Penulis merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

aspek berkaitan dengan al-Quran seperti Asbab Nuzul, sejarah pengumpulannya, penulisannya, *Makki dan Madani*, *Nasakh dan Mansukh*, *Muhkam dan Mutasyabih* dan pelbagai aspek yang berkaitan dengan al-Quran (Manna al-Qattan, 2007), (Rosmawati Ali, 2010), (Asmawi, 2010), (Abdul Karim ,2014). Ilmu *Ulum al-Quran* turut dinamakan sebagai ilmu Usul Tafsir kerana para mufasir berkehendak kepada memahami aspek-aspek berkaitan al-Quran dalam menafsirkan al-Quran (Abdul Karim , 2014).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Ilmu *Ulum al-Quran* telah bermula sejak turunnya wahyu pertama lagi. Hal ini boleh dilihat melalui penurunan, sebab-sebab penurunan, pembacaan, cara pengumpulan dan sebagainya yang mana semua perkara ini termasuk dalam perbahasan ilmu *Ulum al-Quran*. Perkembangan ilmu *Ulum al-Quran* semakin diperlukan dan semakin meluas kerana Islam semakin berkembang merentasi pelbagai budaya dan bahasa di samping menghadapi pelbagai permasalahan baru akibat pertambahan umat Islam bukan Arab yang telah memeluk Islam. Oleh itu, ia turut memberi kesan kepada tahap penguasaan al-Quran.

Jika diperhatikan di tanah air kita, bentuk-bentuk pengajian atau kemahiran al-Quran lebih tertumpu kepada aspek bacaan al-Quran, hafalan, tajwid dan taranum namun pengajian berkaitan *Ulum al-Quran* tidak begitu difokuskan. Jika ada, pengajian *Ulum al-Quran* lebih terarah di pusat-pusat pengajian tinggi yang menawarkan subjek *Ulum al-Quran* pada program pengajian peringkat persijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dalam subjek Usuluddin, diploma pengajian Islam dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Justeru itu, ia mungkin disebabkan tanggapan bahawa *Ulum al-Quran* adalah ilmu yang agak sukar untuk dikuasai oleh umat Islam dan hanya perlu dipelajari oleh mereka yang mempunyai latar belakang ilmu pengajian Islam.

Selain itu, penyebaran fahaman Islam Liberal dan Pluralisme Agama turut memberi kesan yang tidak baik kepada Islam dan umat Islam. Fahaman Islam Liberal dan Pluralisme Agama ini bertitik tolak daripada pemahaman dan pentafsiran yang liberal dan bebas terhadap Syariat Islam serta menjadikan akal sebagai faktor pemutus kepada kesesuaian ajaran Islam. Maka dengan sebab itu, maka muncullah beberapa doktrin yang menyeleweng seperti “al-Quran perlu ditafsirkan semula mengikut peredaran zaman”, “beberapa aspek ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran perlu disemak” serta timbulnya metodologi pentafsiran al-Quran berlandaskan akal atau dipanggil sebagai “hermeneutika” (Ammar Fadzil, 2015), (Riduan & Ahmad Adnan, 2006), (Mohd Asri, 2006). Lebih memburukkan keadaan, timbul pula kritikan terhadap *Ulum al-Quran* dengan cuba menyamakan topik-topik seperti *Nasikh* dan *Mansukh*, *Asbab Nuzul*, *Ayat Makki* dan *Madani* dengan pemikiran Islam Liberal (Tengku Intan Zarina & dan Muhd. Najib, 2013).

Oleh yang demikian, pengajian dan pembelajaran *Ulum al-Quran* perlu disemarakkan dan di perkasa kan oleh umat Islam. Mereka yang mempelajari *Ulum al-Quran* akan memperoleh tahap kualiti pengetahuan dan kefahaman yang lebih tinggi dalam membaca dan menghayati al-Quran. Di samping itu, penulisan dan penerbitan karya *Ulum al-Quran* perlu terus diperbanyakkan dan digiatkan lagi. Hal ini bagi memupuk dan menanam budaya cintakan al-Quran dan memelihara al-Quran daripada salah tafsir oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

## OBJEKTIF KAJIAN

Justeru itu, pengkaji mengambil inisiatif dengan memilih dua karya tempatan iaitu karya *Ulum al-Quran* oleh Asmawi Haji Ehsan dan kedua ialah *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* oleh Dr. Abdoul Karim Toure dan Dr. Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat untuk dijadikan kajian dan dilakukan sebagai ulasan buku (*book review*) secara kritis dan analitis. Pemilihan ini dibuat kerana karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* merupakan modul yang wajib diambil bagi penuntut Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM. Manakala *Ulum al-Quran* karya Asmawi Haji Ehsan pula dipilih berikutan daripada tujuan penulis menghasilkan karya iaitu membantu pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Usuluddin, khususnya pelajar yang menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan perkara berikut:

1. Mengkaji karya *Ulum al-Quran* dan *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*.
2. Membandingkan metodologi penulisan di antara kedua-dua karya *Ulum al-Quran* ini.
3. Menjelaskan struktur kekuatan dan penambahbaikan antara kedua-dua karya ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah melakukan kajian berbentuk kualitatif iaitu kajian perpustakaan berdasarkan metodologi analisis dokumen (content analysis) yang berasaskan penelitian kepada isi kandungan, penilaian hujah dan fakta yang dikemukakan, membuat perbandingan, memberikan kritikan positif atau cadangan penambahbaikan dan membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari, 2016). Data yang diperoleh dalam kajian ini adalah dengan merujuk kepada bahan bacaan primer seperti al-Quran, kitab-kitab *turath* dan sumber sekunder seperti tesis, disertasi, kertas kerja, majalah, jurnal, prosiding, risalah dan laman web yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti dan meneliti senarai bahan bacaan atau karya tempatan berkait *Ulum al-Quran* yang terdapat di Malaysia. Selanjutnya pengkaji membandingkan metodologi penulisan daripada karya yang dipilih dan mempermeriksa hasil dengan menggariskan beberapa aspek untuk diketengahkan dalam kajian ini serta menyenaraikan kekuatan dan sudut-sudut penambahbaikan setiap karya yang telah dianalisis.

## PENGENALAN AWAL KARYA-KARYA *ULUM AL-QURAN*

### **Buku pertama:**

- |                            |  |
|----------------------------|--|
| i. Nama Buku               | : <b><i>Ulum al-Quran</i></b>  |
| ii- Nama Penulis           | : Asmawi Haji Ehsan  |
| iii- Penerbit              | : Pustaka Haji Abdul Majid   |
| iv-Tahun cetakan           | : 2010   |
| v- Biodata ringkas penulis | : Kerjaya sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang 5 Sungai Besar, Selangor. Antara subjek yang diajar ialah subjek Usuluddin 2 peringkat STPM (Asmawi Haji Ehsan, 2010). |

**Buku kedua:**

- i. Nama Buku : ***Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran***  
ii- Nama Penulis : 1- Dr. Abdoul Karim Toure  
                          2- Dr. Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat  
iii- Penerbit : Penerbit USIM  
iv- Tahun cetakan : 2014  
iii- Biodata ringkas penulis :

**1- Dr. Abdoul Karim Toure**

Merupakan pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan BA dan MA di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dalam bidang tafsir dan memperoleh Ijazah PhD di Universiti Malaya juga dalam bidang tafsir pada tahun 2005 (Laman Web Rasmi USIM, 2019).

**2- Dr. Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat**

Merupakan pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang di Universiti al-Bayt Jordan pada tahun 2000, kemudian memperoleh ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah (Tafsir) di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada tahun 2005 dan memperoleh Ijazah Phd di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2015 (Laman Web Rasmi USIM, 2019).

### **ASAS PENULISAN KARYA *ULUM AL-QURAN DAN FAIDH AL-RAHMAN FI BAYAN ULUM AL-QURAN***

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah memilih dua buah buku *Ulum al-Quran* bagi melakukan ulasan buku secara kritis dan analitis. Buku yang pertama yang dipilih ialah buku *Ulum al-Quran* yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan dan buku kedua ialah buku *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* yang ditulis oleh Abdoul Karim Toure dan Rabiah Adawiyah Mohd. Hal ini kerana kedua-dua karya tersebut memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran ilmu *Ulum al-Quran* terutamanya kepada pelajar yang terlibat dengan subjek ini sama ada di pusat pengajian tinggi khususnya dan kepada masyarakat secara amnya.

**Tujuan**

Karya *Ulum al-Quran* oleh Asmawi Haji Ehsan ini dihasilkan adalah bertujuan bagi membantu para pelajar dalam mempelajari topik *Ulum al-Quran* dalam subjek Usuluddin 2 persijilan STPM. Ini kerana penulis berpandangan para pelajar mengalami kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan berkaitan *Ulum al-Quran* dalam bahasa Melayu (Asmawi Haji Ehsan, halaman xi).

Manakala karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* pula ditulis dalam bahasa Arab dan dihasilkan bertujuan bagi membantu meleraikan kesukaran para pelajar dalam memahami subjek *Ulum al-Quran*. Tambahan pula, subjek *Ulum al-Quran* ini merupakan subjek yang wajib diikuti oleh para pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM

sebelum tamat belajar dari USIM. Selain itu, penghasilan buku ini menurut pengarang adalah merupakan satu usaha bagi memperbanyakkan rujukan berkaitan *Ulum al-Quran* dalam zaman moden ini sebagaimana karangan yang dihasilkan oleh Dr. Subhi Saleh iaitu “Mabahith Fi *Ulum al-Quran*” dan juga “Al-Tibyan Fi *Ulum al-Quran*” karangan Syeikh Muhammad Ali al-Sobuni (Abdoul Karim, 2014).

### **Penyusunan Bab**

Karya *Ulum al-Quran* oleh Asmawi Haji Ehsan mengandungi 11 bab dan mengandungi 151 halaman. Kandungan yang dibahaskan dalam karya ini ialah:

Jadual 2 Penyusunan bab dan isi kandungan

Bil	Tajuk	Isi
Bab 1	<i>Ulum al-Quran</i> dan Perkembangannya	Pengertian Ilmu, pengertian al-Quran & <i>Ulum al-Quran</i> , Bidang perbahasan <i>Ulum al-Quran</i> , Faedah mempelajarinya, dan Pertumbuhan Perkembangan Ilmu <i>Ulum al-Quran</i>
Bab 2	Al-Quran	Definisi al-Quran Menurut Pendapat-pendapat, al-Quran Sebagai Mukjizat, Keistimewaan al-Quran Berbanding Dengan Kitab-kitab Samawi Yang Lain
Bab 3	Penurunan al-Quran	Maksud Penurunan al-Quran, Peringkat Penurunan, Bukti al-Quran Diturunkan, dan Hikmah Penurunan
Bab 4	Wahyu Allah	Pengertian Wahyu, Cara Penerimaan Wahyu, Pengertian dan Perbezaan Antara al-Quran Dengan Hadis Qudsi dan Hadis Nabawi, Riwayat Hidup Ringkas Para Penulis Wahyu
Bab 5	Asbab Nuzul	Pengertian Asbabul Nuzul dan Pembagiannya, Faedahnya, Cara Mengetahuinya, Ibarat-ibarat Yang Menerangkan Sebab Turun bagi Sesuatu, Berbilang Sebab Turun Bagi Sesuatu Ayat, Kesesuaian Ayat di samping Sebab Turun yang Berbeza
Bab 6	Pengumpulan al-Quran	Maksud Pengumpulan al-Quran, Peringkat Pengumpulan, Pengumpulan Pada Zaman Nabi, Sebab al-Quran Tidak Dikumpul Pada Satu Mushaf Pada Zaman Nabi, Pengumpulan di Zaman Khalifah Abu Bakar, Orang yang Ditugaskan Menjalankan Tugas Mengumpul al-Quran, Cara dan Dasar Pengumpulan al-Quran
Bab 7	Ayat-Ayat Makki dan Madani	Pengertian Ayat Makki dan Madani, Surah-surah al-Quran yang Disebut Sebagai Makki dan Madani, Ayat-ayat yang Dihukum Makki dan Madani, Cara-cara Mengenalinya, Ciri-ciri Pengenalan Ayat Makki dan Madani Serta Hikmah dan Kepentingan Ayat-ayat Makki dan Madani
Bab 8	Ayat dan Surah al-Quran serta tertibnya	Pengertian Ayat dan Huraian, Jumlah Ayat, Faedah Mengetahuinya, Cara-cara Mengenal Ayat, Jumlah Kalimah, Surah dan Huruf dalam al-Quran, Pengertian Surah, Faktor Berbeza Tartib Surah Pada Mashaf Sahabat, Hikmah Diadakan Surah di Dalam al-Quran, Nama-Nama

		Surah, Surah-surah Yang Mempunyai Satu Nama dan Lebih, Tulisan al-Quran Dengan Rasm Uthmani
Bab 9	Tafsir dan takwil	Pengertian dan Huraian Takrif , Perbezaan Tafsir dan Takwil, Syarat-syarat Seorang Pentafsir, Adab Pentafsir, Ilmu-ilmu Untuk Mentafsir al-Quran, dan Pembahagian Tafsir
Bab 10	Sejarah pertumbuhan dan Perkembangan ilmu tafsir	Tafsir al-Quran di Zaman Nabi, Sahabat dan Tabiien, Ilmu Tafsir di Zaman Penulisan Kitab
Bab 11	Kitab-kitab tafsir dan method penulisannya	Kitab-kitab Tafsir Secara Mathur

Manakala Buku yang berjudul, “*Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*” hasil karya Abdul Karim Toure dan Robiatul Adawiyah mengandungi 14 bab, 199 muka surat dan ditulis dalam bahasa Arab. Buku ini merupakan modul bagi kursus *Ulum al-Quran* peringkat Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah USIM. Berikut adalah senarai bab yang diperbincangkan dalam buku ini:

Jadual 3 Penyusunan Bab dan Isi Kandungan

Bil	Tajuk	Isi Kandungan
Bab 1	Sejarah <i>Ulum al-Quran</i>	Sejarah Bermula <i>Ulum al-Quran</i> , Perkembangannya, dan Takrifan Tentang al-Quran
Bab 2	Wahyu	Pengenalan Kepada Wahyu, Jenis-jenis Wahyu, Cara Penyampaiannya
Bab 3	Nuzul al-Quran	Peringkat Penurunan al-Quran
Bab 4	Asbab Nuzul	Pengenalan Kepada Sebab Nuzul al-Quran, Cara Mengetahuinya, Lafaznya, Kaedah al-Ibrah, Faedah Mengetahuinya
Bab 5	al-Makki dan al-Madani	Pengenalan Makki dan Madani, Bilangan Surah Makki dan Madani, Ayat-ayat Makki Yang Terdapat dalam Surah Madani dan Ayat-ayat Madani dalam Surah Makki
Bab 6	Nasakh dan Mansukh	Pengenalan Nasakh Mansukh, Syaratnya, Cara Mengetahui dan Kepentingannya, Penetapan Terhadap Ayat Nasakh Mansukh, Perbezaan di Antara Nasakh dan Bada’, Bahagian Nasakh dan Jenis-jenisnya, Contoh-contoh Ayat Nasakh dalam al-Quran dan al-Hadis
Bab 7	Pengumpulan/Penyusunan al-Quran	Pengumpulan al-Quran Pada Zaman Rasulullah, Abu Bakar dan Pengumpulan Zaman Saidina Uthman
Bab 8	Tafsir	Makna Tafsir dan Klasifikasinya
Bab 9	Pengenalan Kitab-kitab Tafsir berbentuk al-Ma’thur dan al-Ra’yi yang Silam dan Semasa	Hanya Yang Dipilih Sahaja Terdiri Daripada Kitab Tafsir Ibn Jarir al-Tabari, Muhd Rashid Redha, al-Zamakhshari, Tantawi Jauhari dan Seorang daripada Mufassirah Aaisyah binti Abd Rahman
Bab 10	Tarjamah al-Quran	Pengenalan Kepada Tarjamah al-Quran dan Bahagiannya, Syaratnya, Hukumnya dan Faedah Terjemah al-Quran
Bab 11	al-Muhkam dan al-	Pengenalan Muhkam dan Mutashabih

Mutasyabih		
Bab 12	Am dan Khas	Pengenalan Kepada Am dan Bahagiannya, Serta Pengenalan Kepada Khas
Bab 13	Muthlaq dan Muqayyad, Mantuq dan Mafhum	Pengenalan Muthlaq dan Muqayyad, Bahagiannya dan Hukum Setiap darinya Pengenalan Mantuq dan Mafhum Serta Bahagiannya
Bab 14	Kisah-Kisah Dalam al-Quran	Pengenalan Kisah-kisah al-Quran, Jenis-jenisnya serta Faedahnya

Namun begitu, jika diperhatikan pada halaman daftar isi kandungan kedua-dua karya, karya *Ulum al-Quran* karangan Asmawi Haji Ehsan menampakkan kekuatan dan kelebihan kerana susunan yang lebih tersusun dan terperinci. Ini kerana beliau menyenaraikan sub-sub topik dalam setiap topik yang dikemukakan. Maka ini secara tidak langsung memudahkan para pelajar atau siapa sahaja bagi mengetahui perbahasan penulisan dalam buku tersebut dan menarik perhatian sidang pembaca dan pengkaji *Ulum al-Quran* untuk memiliki buku tersebut. Namun karya *Faidh al-Rahman* tidak memuatkan sub topik secara terperinci pada daftar isi kandungan kerana hanya menulis senarai tajuk utama tanpa ada perincianya. Maka ia mungkin mendatangkan sedikit kesukaran kepada pembaca untuk mengetahui aspek-aspek yang dibincangkan dalam karya tersebut.

## PERBANDINGAN METODOLOGI PENULISAN PENGARANG

### Metodologi Penulisan

Pertamanya, karya *Ulum al-Quran* ditulis dalam bahasa Melayu. Ia bertujuan memperbanyakkan bahan rujukan berkaitan *Ulum al-Quran* dalam bahasa Melayu (Asmawi, 2010). Namun bagi karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, ia ditulis dalam bahasa Arab. Hal ini kerana bahasa pengantar yang digunakan oleh USIM sekali gus merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah dalam bahasa Arab (Laman Rasmi USIM, 2019). Walaupun begitu, penulisan karya yang dihasilkan dalam bahasa Arab adalah bersesuaian dengan spesifikasi program pengajian yang diikuti oleh pelajar.

Bagi karya *Ulum al-Quran* yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan, metodologi penulisan yang digunakan adalah kajian perpustakaan atau kualitatif dengan merujuk kepada kitab-kitab silam dan terkini seperti kitab, “*Al-Itqan Fi Ulum al-Quran*” oleh Imam al-Suyuthi dan “*Mabahith Fi Ulum al-Quran*” oleh Manna al-Qattan. Selain itu, penulis menggunakan metod penulisan secara *key point*, iaitu merumuskan isi-isi penting dalam bentuk point bagi memudahkan pelajar untuk memahami dan menghafal isi-isi penting di dalamnya.

Bagi karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* pula, metodologi yang digunakan hampir sama dengan metodologi yang dibawa oleh penulis Asmawi Haji Ehsan iaitu berbentuk kajian perpustakaan atau kualitatif bersumberkan rujukan daripada kitab-kitab silam dan terkini. Bentuk penulisan yang dibawa oleh penulis ini menggunakan bentuk huraian dengan memaparkan hasil pembelajaran pada awal topik perbincangan, diikuti dengan penjelasan yang berkaitan serta memuatkan soalan pengukuhan untuk dijawab pelajar pada akhir setiap topik yang dibincangkan. Walaupun ia berbentuk seperti nota kepada

pelajar, namun isi kandungan yang terdapat di dalamnya sama sekali tidak mengurangkan nilai ilmiah dan akademik pada karya tersebut. Adapun dari sudut teknik penulisan rujukan yang digunakan dalam buku *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* adalah berbentuk Sistem APA (American Psychological Association).

Berdasarkan kepada metodologi kedua-dua karya ini, pengkaji merumuskan perbandingan yang terdapat dalam dua karya ini ada persamaan dari segi metodologi dan rujukan yang digunakan iaitu bentuk kajian perpustakaan dan juga kualitatif, namun yang membezakannya adalah dari segi bentuk penulisan yang dipersembahkan iaitu karya *Ulum al-Quran* berbentuk *key point* dan *Faid al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* dalam bentuk huraian di samping wujudnya latihan sebagai pengukuran terhadap tahap kefahaman pelajar dari hasil pembelajaran. Oleh yang demikian, corak penulisan kedua-dua karya ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri walaupun ia dibuat berasaskan sebagai sumber rujukan kepada para pelajar, namun boleh dimanfaatkan kepada masyarakat dan umat Islam keseluruhannya.

### Sumber Rujukan

Penulisan sesuatu buku banyak dicorakkan melalui bahan rujukan yang digunakan di samping idea asal penulis. Penggunaan sesuatu bahan rujukan membantu melonjakkan lagi kualiti dan persembahan sesuatu karya yang dihasilkan serta berperanan memperkembangkan tahap pengetahuan dan intelektual seseorang penulis.

Bagi menghasilkan karya *Faid al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, penulis telah menyenaraikan sebanyak 43 buah buku yang telah digunakan berbanding karya *Ulum al-Quran* dengan 8 buah buku yang disenaraikan. Namun begitu, terdapat persamaan pada kedua-kedua buah karya kerana menggunakan 4 buah buku rujukan yang sama iaitu:

1. *Mabahith Fi Ulumil Quran* karya Manna Khalil Al-Qattan.
2. *Mabahith Fi Ulum Al-Quran* karya Subhi Soleh.
3. *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran* karya As-Sayuti.
4. *Manahil Ifran Fi Ulum Al-Quran* karya Al-Zurqani.

Keempat-empat buku ini digunakan adalah kerana buku-buku ini merupakan antara bahan rujukan yang berautoriti dalam mempelajari *Ulum al-Quran*. Perbezaan bilangan buku rujukan dalam kedua-karya pula mungkin disebabkan kerana karya *Ulum al-Quran* adalah bagi memenuhi spesifikasi penilaian STPM dan karya *Faid al-Rahman* pula kerana bagi memenuhi spesifikasi Ijazah Sarjana Muda. Maka sudah pasti terdapat perbezaan yang ketara dalam bilangan rujukan yang digunakan atas faktor tahap persijilan yang diambil.

### Penelitian Huraian Bab

Bagi mengkaji dengan lebih terperinci kedua-dua karya ini, maka sub topik ini memuatkan huraian ringkas pada beberapa bab-bab sebagai perbandingan.

## Bab 1:

Pada bab pertama karya Asmawi Haji Ehsan yang berjudul *Ulum Al-Quran*, penulis menyentuh mengenai sejarah perkembangan *Ulum al-Quran* yang merangkumi perbahasan mengenai definisi *Ulum al-Quran*, bidang perbahasan *Ulum al-Quran*, faedah mempelajari *Ulum al-Quran*, perkembangan *Ulum al-Quran* pada zaman Nabi, zaman sahabat, zaman pembukuan *Ulum al-Quran*, zaman kelahiran istilah-istilah berkaitan *Ulum al-Quran* dan *Ulum al-Quran* pada masa kini. Jika kita kita menyorot definisi *Ulum al-Quran*, pengarang membawakan pengertian seperti berikut:

*“Ulum Al-Quran ialah satu bidang perbahasan ilmu yang membahaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan Al-Quran seperti permulaan turun, cara penurunan, tempat penurunan.....”*. Namun demikian, definisi yang dikemukakan ini tidak dinyatakan rujukan asalnya (Asmawi, 2010). Ini mungkin kerana buku ini hanya untuk bacaan dan kefahaman pelajar pada memahami konsep asas *Ulum al-Quran* tanpa perlu diberatkan pelajar untuk menerokai perbahasan definisi *Ulum al-Quran* yang lebih jitu dan mendalam.

Manakala karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, penulis membincangkan pada bab 1 tentang sejarah perkembangan *Ulum al-Quran* pada zaman Nabi SAW, zaman sahabat, zaman Tabii’n, zaman-zaman berikutnya, definisi al-Quran dan definisi *Ulum al-Quran*.

Manakala karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, bab pertama juga penulis memberikan definisi *Ulum Al-Quran* dan dinyatakan sumber rujukan kepada pentakrifan tersebut. Menurut definisi *Ulum al-Quran* yang diberikan oleh Manna al-Qattan (1998), *Ulum Al-Quran* merupakan:

*“Ilmu yang membahaskan tentang al-Quran seperti mengetahui asbab nuzul, pengumpulan dan penyusunan al-Quran, ayat Makki dan Madani, Nasikh dan Mansukh, Muhkam dan Mutasyabih dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan al-Quran”*.

## Bab 2:

Jika kita menyorot bab 2 pada kedua-dua karya, ia menampakkan perbezaan yang ketara antara kedua-karya. Karya *Ulum al-Quran* garapan Asmawi (2010) membahaskan tentang definisi al-Quran menurut bahasa dan istilah, huriahan kepada definisi al-Quran, Kalamullah dan kalam manusia, Kalamullah menurut para ulama, pengertian al-Quran menurut Ulama *Usuliyyun*, fuqaha, ulama bahasa dan sebahagian *Mutakallimun*. Selain itu, bab 2 karya ini juga menyajikan perbahasan tentang nama-nama lain bagi al-Quran, objektif al-Quran, keistimewaan al-Quran dibandingkan dengan kita-kitab samawi yang lain serta keperluan manusia kepada al-Quran.

Bagi kitab *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, bab 2 membahaskan tentang definisi wahyu menurut bahasa dan istilah, jenis-jenis wahyu dengan makna bahasa, wahyu Allah SWT kepada para malaikat dan wahyu Allah SWT kepada para *anbiya’* sama ada dengan perantaraan malaikat Jibrail AS atau sebaliknya. Selain itu, bab 2 karya ini juga membincangkan tentang metodologi penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW dan kesimpulan daripada bab ini.

Pada pengamatan pengkaji, bab 2 ini memaparkan kekuatan yang tersendiri pada kedua-dua karya. Misalnya pada karya *Ulum al-Quran*, penulis membawakan perbahasan al-

Quran menurut ulama *Mutakallimun* dengan dua fokus. Pertama, menegaskan bahawa al-Quran adalah sebahagian daripada Kalam Ilahi yang teristimewa dari kalam Ilahi yang lain. Kedua, pegangan bahawa al-Quran merupakan Kalamullah, bersifat qadim (sedia ada) dan bukan makhluk. Maka pegangan ini merupakan jawapan kepada *isykal* (kesamaran dan syubhabah yang cuba dibawa oleh mana-mana pihak jika mereka mendakwa al-Quran adalah baharu dan makhluk seperti yang ditegaskan oleh Imam Ahmad bin Hanbal pada zamannya menghadapi Ahmad bi Abi Daud al-Mu'tazili yang merupakan menteri pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun yang menjadi pengikut mazhab Muktazilah (Zulkifli al-Bakri, 2010), (Ali Jum'aah, 2009).

Selain itu, kekuatan karya *Ulum al-Quran* pada bab 2 ini juga boleh diamati menerusi perbahasan mengenai objektif-objektif al-Quran. Di antaranya ialah al-Quran merupakan kitab petunjuk dan membawa manusia kepada kehidupan yang sejahtera dunia hingga ke akhirat. Al-Quran juga merupakan satu ibadah dengan membaca dan menghayati isi kandungannya. Setiap sebutan dan bacaan ayat-ayat suci al-Quran mengundang pahala yang berlipat kali ganda kepada pembacanya. Penulis juga melontarkan keyakinan bahawa al-Quran sangat berperanan dalam menyelesaikan permasalahan manusia sama ada pada aspek akidah, ekonomi, sosial dan sebagainya. Justeru itu, pernyataan ini sangat membantu dalam memperkuatkan penghayatan al-Quran dalam diri setiap insan serta hadir ketika umat Islam sedang diserang dengan gejala Liberal dan Pluralisme yang cuba menghakis kesucian dan kemuliaan al-Quran.

Manakala bab 2 karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* pula membawakan perbahasan tentang konsep wahyu dengan penekanan kepada beberapa objektif. Di antaranya ialah:

- a) Sesungguhnya Allah SWT Maha Berkuasa untuk menganugerahkan wahyu kepada sesiapa yang ia kehendaki.
- b) Wahyu merupakan satu fakta dan hakikat bukannya mitos atau khayalan.
- c) Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Justeru itu, apa yang dikemukakan oleh penulis dalam perbahasan bab 2 tentang wahyu ini merupakan pencerahan tentang proses bagaimana sesuatu wahyu itu diturunkan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang ia kehendaki khususnya hanya pada kaum lelaki pada sudut istilahnya. Selain itu, wahyu itu merupakan satu hakikat dan kebenaran sama ada diterima melalui perantaraan Jibrail AS atau tanpa perantaraan seperti melihat dengan benar di masa tidur, dan mendengar kalam Ilahi di sebalik tabir.

Di samping itu, ia juga menjelaskan proses penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW menerusi dua pendekatan iaitu yang pertama, malaikat Jibrail AS datang kepada Nabi SAW seperti bunyi loceng yang bergema-gema dan suara yang kuat yang dirasakan baginda SAW merupakan proses yang paling berat dalam menerima wahyu. Kedua, malaikat Jibrail AS berjumpa dengan Nabi SAW menyerupai seperti seorang manusia biasa dalam rupa paras yang cantik dan berseri-seri (Abdul Karim dan Rabiah Adawiyah, 2014). Maka pemaparan topik ini bukan sekadar memerihalkan proses penurunan wahyu tetapi juga berperanan

menjawab tohmahan orientalis barat yang mengatakan Nabi SAW menerima wahyu dalam keadaan tidak waras atau sakit.

Selain itu, perbincangan bab wahyu dalam bab 2 ini juga berperanan dalam kerangka menangkis sebarang tohmahan kepada Nabi SAW iaitu Baginda menyampaikan seruan Islam berdasarkan hawa nafsu Baginda SAW sendiri. Sedangkan terbukti dalam perkara ini, apa yang disampaikan oleh Nabi SAW dalam bersumberkan wahyu Allah SWT dan Baginda SAW ditaklifkan untuk menyebarkan kepada seluruh umat akhir zaman.

### **Bab 3:**

Pada bab 3 pula, menampakkan kedua-dua karya membincangkan topik yang sama iaitu penurunan al-Quran. Namun perbezaannya adalah pada sudut pengolahan isi dan huraian. Bagi karya *Faidh al-Rahman*, apa yang dibincangkan adalah berkaitan proses penurunan al-Quran dibahagikan kepada tiga peringkat:

1. Penurunan Al-Quran dari Allah SWT ke Luh Mahfuz.
2. Penurunan al-Quran dari Luh Mahfuz ke Bait al-Izzah di langit dunia.
3. Penurunan al-Quran menerusi apa yang diturunkan melalui malaikat Jibrail AS kepada Nabi SAW di Gua Hira', Mekah.

Selain itu, turut diperbincangkan ialah hikmah penurunan al-Quran secara beransur-ansur. Di antara hikmahnya ialah, menguatkan dan memperkuuhkan hati dan keyakinan Nabi SAW dalam menyampaikan risalah Islam serta benteng dalam menghadapi *mehnah* dan *tribulasi* oleh kaum Quraish yang menentang misi dakwah Baginda SAW. Penurunan al-Quran secara beransur-ansur turut berperanan sebagai proses memudahkan kefahaman dan penghafalan al-Quran oleh umat Islam setelah disampaikan oleh Nabi SAW. Hal ini sesuai dengan instrumen penurunan al-Quran pada awalnya yang tidak bertulis melainkan secara ingatan dan hafalan semata-mata.

Selain itu, penurunan al-Quran secara beransur-ansur ini juga merupakan pemangkin kepada perlaksanaan syariat Islam secara beransur-ansur (*tadarruj*) dan bijaksana. Hal ini selaras dengan situasi dan keadaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam yang bergelumang dengan budaya jahiliah seperti mana penulis memetik kata-kata Jaafar Abi Thalib RA di hadapan Raja al-Najasyi ketika peristiwa hijrah kali kedua ke Habsyah:

*“ Wahai Raja al-Najasyi, sesungguhnya masyarakat kami sebelum kedatangan Islam, kami menyembah berhala, memakan bangkai, melakukan perkara yang haram dan memutuskan silaturrahim. Semuanya itu kami lakukan sehingga diutuskan Allah SWT kepada kami, Rasul daripada kalangan kami...”*

Di samping itu, penulis juga memuatkan contoh bagaimana aplikasi dan praktikal prinsip *tadarruj* dalam perlaksanaan Syariat Islam seperti hukum pengharaman arak yang mempunyai 4 fasa pengharaman. Maka keempat-empat fasa ini adalah sebagai proses mendidik dan membimbing umat Islam secara berhikmah dan sempurna. Maka ia secara tidak langsung dapat menyangkal sebarang propaganda bahawa Islam merupakan ajaran yang ekstrem, keras dan suka menghukum semata-mata.

Bagi buku *Ulum al-Quran*, perkara yang sama turut dibahaskan dalam bab ketiga ini. Namun demikian, terdapat sedikit penambahan yang dibawa oleh penulis seperti kepentingan mengetahui proses penurunan al-Quran seperti:

1. Merupakan asas kepada seseorang dalam meyakini al-Quran sebagai sebuah kitab yang diturunkan Allah SWT kepada hambanya.
2. Memudahkan umat Islam meyakini dan mengimani Rasulullah SAW.

Dengan dua asas ini, maka ia akan membentuk keyakinan yang tinggi dan utuh kepada umat Islam bahawa agama Islam merupakan agama yang benar dan sempurna kerana sumber rujukan adalah berasaskan Kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW berdasarkan bukit dan mukjizat yang benar dan nyata.

Berdasarkan kepada topik-topik yang dibincangkan dalam bab ketiga ini, menerusi kedua-dua karya ini, maka ia dapat menzahirkan kesucian dan kemuliaan al-Quran yang tiada tolok bandingnya. Di samping itu, ia juga melahirkan mesej yang jelas bahawa al-Quran merupakan kitab samawi yang terulung, penutup kepada segala kitab samawi sebelum ini serta memuliakan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Di samping itu, penurunan al-Quran secara beransur-ansur ini juga seperti dalam hukum pengharaman arak, riba dan sebagainya memberikan hikmah bahawa Islam merupakan ajaran yang bersifat *Rabbaniyyah, Syumuliah*, sesuai pada setiap masa dan tempat serta mengambil berat kesejahteraan hidup manusia dan bukannya bersifat rigid, ekstrem dan suka menghukum semata-mata.

#### **Bab 4:**

Bagi bab 4, kedua-dua karya memaparkan topik perbincangan yang berbeza. Bagi karya *Ulum al-Quran*, penulis membincangkan tentang topik wahyu Allah SWT merangkumi perbincangan tentang pengertian wahyu, cara malaikat menerima wahyu, cara penurunan wahyu, pengertian al-Quran, hadis qudsi dan hadis nabawi, wahyu yang pertama dan terakhir diturunkan. Selain itu, turut dibincangkan sejarah hidup ringkas para penulis wahyu seperti Zaid bin Thabit RA, Muaz bin Jabal RA, Ubai bin Kaab RA dan Muawiyah bin Abi Sufian RA. Kisah sejarah hidup para penulis wahyu ini sangat signifikan kerana ia mendedahkan sisi sebenar kebaikan dan sumbangan bernilai mereka dalam proses penurunan al-Quran walaupun mungkin terdapat beberapa catatan sejarah yang mencalar kredibiliti mereka namun diragui legitimasi nya seperti yang terjadi kepada Muawiyah bin Abi Sufian RA dalam perselisihan antara beliau dan Saidina Ali bin Abi Thalib RA sehingga membawa kepada perang saudara sesama umat Islam (Mohd Asri, 2012).

Bab 4 Karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* pula adalah berbeza kerana ia memaparkan perbincangan tentang *asbab nuzul*. Topik ini dirangka adalah bertujuan mengetengahkan fungsi memahami asbab nuzul sebagai jalan terbaik memahami isi kandungan al-Quran kepada para pelajar. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab 4 ini ialah berkaitan definisi asbab nuzul, cara-cara untuk mengetahui asbab nuzul, bentuk-bentuk asbab nuzul, faedah mengetahui asbab nuzul dan sebagainya. Contohnya, definisi asbab nuzul yang diberikan adalah “*apa yang telah diturunkan al-Quran pada masa sesuatu perkara yang berlaku sama ada sebagai peristiwa atau persoalan yang timbul*” (al-Zarqani, 2001).

Bagi memperkuatkkan kefahaman dan penguasaan para pelajar akan bab ini, maka penulis turut menyediakan latihan pengukuhan kepada para pelajar seperti membincangkan asbab nuzul ayat ke-6 surah al-Hujurat dan peranannya sebagai faktor penyelesaian masalah pada masa kini, asbab nuzul sebahagian ayat surah al-Kahfi, membincangkan kaedah tafsir “pengajaran atau hukum dari suatu ayat Al-Quran diambil dari teksnya yang bersifat umum, bukan dari sebab turunnya yang bersifat khusus” dan sebagainya.

## **KEKUATAN DAN PENAMBAHBAIKAN KARYA *ULUM AL-QURAN* DAN *FAIDH AL-RAHMAN FI BAYAN ULUM AL-QURAN***

### **Kekuatan**

Bagi karya *Ulum al-Quran* yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan, karya yang dihasilkan beliau mengandungi kekuatan dan kelebihan yang tersendiri di samping ruang-ruang penambahbaikan yang boleh diambil perhatian pada masa yang akan datang. Di antara bentuk kekuatan karya ini ialah penulis menggunakan jenis dan gaya bahasa yang mudah dan senang difahami oleh para pembaca. Selain itu, karya ini juga mempunyai kekuatan dari sudut penerangan tentang kelebihan dan keistimewaan al-Quran secara terperinci dan tuntas (menyeluruh). Ini kerana terdapat segelintir umat Islam yang merasakan bahawa al-Quran hanya sekadar untuk dibaca atau dilakukan sahaja, sedangkan lebih daripada itu al-Quran mampu merawat dan memberikan solusi kepada permasalahan umat Islam pada masa kini.

Pengarang juga menerangkan bahawa al-Quran sebagai mukjizat dan merupakan hidayah kepada umat manusia sesuai dengan objektif penurunan al-Quran itu sendiri. Dalam pada itu, pengarang memuatkan perbandingan keistimewaan al-Quran berbanding dengan kitab-kitab samawi yang diturunkan sebelum ini serta keperluan dan kewajipan manusia dan umat Islam untuk berpegang dengan al-Quran (halaman 22). Tambahan lagi, karya ini juga mempunyai kekuatan dan kelebihan berbanding buku-buku *Ulum al-Quran* tempatan yang lain kerana padanya mempunyai soalan-soalan latihan yang disediakan untuk dijawab oleh para pelajar (halaman 143-150). Hal ini sekali gus dapat membantu meningkatkan daya kefahaman dan pengetahuan para pelajar menerusi proses penilaian yang disediakan.

Selain itu, kekuatan karya ini juga boleh dilihat pada penambahan isi pada sesuatu bab contohnya pada bab 4 yang membincangkan topik wahyu Allah SWT. Pengarang turut memasukan perbahasan tentang sejarah hidup ringkas para penulis wahyu iaitu Zaid bin Tabir RA, Muaz bin Jabal RA, Ubai bin Kaab RA dan Muawiyah bin Abi Sufyan RA. Pada pandangan pengkaji, pemaparan sejarah hidup ringkas para penulis wahyu ini sangat penting dalam memupuk semangat cintakan para sahabat Nabi SAW. Ia juga membantu meleraikan kekeliruan umat Islam kepada persoalan integriti dan kredibiliti para sahabat seperti yang dihadapi oleh Muawiyah bin Abi Sufian RA akibat perselisihan antara beliau dengan Sayidina Ali bin Thalib RA pasca kewafatan Sayidina Usman bin Affan RA. Walaupun mungkin terdapat kekhilafan dalam perkara tersebut, namun ia tidak sedikit pun menghakis sumbangan dan jasa mereka dalam penulisan dan pengumpulan al-Quran.

Adapun buku *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, antara kekuatan atau kelebihan buku ini adalah ianya ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan uslub atau kalimah yang mudah dan praktikal untuk difahami oleh para pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda. Hal ini sekali gus dapat membantu meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab dari

kalangan pelajar. Ini kerana antara faktor penting kenapa umat Islam mempelajari bahasa Arab adalah kerana bagi memahami al-Quran dan al-Sunnah (Ab. Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong, 2016). Selain itu, antara kekuatan karya keluaran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM ini adalah menggunakan jadual atau carta alir bagi menggambarkan isi kandungan setiap topik yang akan dibincangkan. Ini memudahkan para pelajar mengenal pasti skop perbahasan sesuatu tajuk yang bakal diperhalusi dan diperbincangkan.

Kemudian, antara bentuk kekuatan pada karya ini juga, setiap rujukan khususnya hadis yang dimuatkan mempunyai nukilan yang asal yang dikenali sebagai *Takhrij Hadis*. Hal ini sangat membantu dalam usaha menjaga ketulenan dan kesahihan sesuatu hadis yang dikemukakan dalam berhujah dan dijadikan sebagai rujukan. Faktor yang juga signifikan dalam menggambarkan kekuatan karya ini adalah sukatan atau skop perbahasan *Ulum al-Quran* di dalam karya ini mewakili sebahagian besar isi kandungan *Ulum al-Quran* yang terdapat dalam kitab-kitab rujukan *Ulum al-Quran* yang lain.

Selain itu, antara kekuatan pada karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* juga adalah, terdapat ruangan *tadribat* atau latihan pada setiap bab bagi memantapkan kefahaman para pelajar. Selepas daripada ruangan latihan tersebut, penulis juga membuat rumusan daripada pembelajaran pada setiap bab bagi memperkuuhkan lagi kefahaman para pelajar. Natijahnya, sekali gus dapat membantu para pelajar mengenal pasti isi kandungan setiap bab dan memahaminya secara sistematik.

### Ruang-Ruang Penambahbaikan

Dalam kita mengkaji sesuatu karya, tidak dapat dinafikan terdapat juga kelemahan pada sesuatu karya yang boleh diperbaiki dan ditambah baik. Hal ini kerana setiap karya penulisan manusia boleh diterima dan ditolak kecuali al-Quran. Apa yang ingin dicadangkan ini sedikit pun tidak mengurangkan nilai penghargaan dan dedikasi pengkaji kepada pengarang-pengarang karya ini kerana mereka telah memberikan sumbangan yang besar dan bernilai kepada perkembangan *Ulum al-Quran*.

Dalam meneliti karya *Ulum al-Quran* hasil garapan Asmawi Haji Ehsan, terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki dan diperkemas kan. Pertamanya ialah skop perbahasan *Ulum al-Quran* dalam karya ini agak ringkas dan tidak mewakili keseluruhan bab berkaitan *Ulum al-Quran*. Contohnya terdapat skop *Ulum al-Quran* yang agak penting tapi tidak dimasukkan dalam karya ini seperti tajuk berkaitan ilmu *Nasikh* dan *Mansukh*, ayat *Muhkamat* dan *Mutasyabihat* serta beberapa tajuk lain lagi. Selain itu, perkara yang boleh diperbaiki adalah mengemukakan sumber rujukan bagi setiap hadis-hadis Nabi SAW yang dimuat dalam karya ini, kerana hadis-hadis yang terdapat dalam karya ini tidak mengandungi sumber rujukan asal.

Selain itu, sorotan pengkaji pada bab ke-9 karya ini berkaitan topik tafsir dan takwil pada halaman 115 sehingga halaman 125, suka dicadangkan kepada penulis bagi membahaskan nya secara lebih terperinci, luas dan matang, kerana dalam karya ini terdapat satu perbahasan mengenai pembahagian tafsir, iaitu *tafsir bil ma'thur* dan *bil ra'yi*. Dalam pembahasan ini, penulis menyatakan bahawa hukum *tafsir bil ra'yi* adalah haram dan tidak boleh dijadikan hujah (halaman 124). Oleh yang demikian, perkara ini sewajarnya diperjelaskan dengan lebih teliti dan tepat kerana terdapat perbahasan yang mengharuskan

beramal dengan tafsir *bil ra'yi al-mahmud* berpandukan syarat-syarat yang telah ditetapkan (Ammar Fadzil, 2015).

Bagi karya *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran*, turut terdapat beberapa ruang yang boleh diberi perhatian bagi memastikan karya ini terus kekal berkualiti seperti meluaskan lagi skop perbahasan dan mendedahkan isu-isu semasa dalam dunia pentafsiran. Contohnya meluaskan lagi skop perbahasan mengenai bab tafsir dengan menambah huriahan berkaitan perbezaan antara tafsir dan takwil, syarat dan adab berkaitan mufasir, sejarah perkembangan ilmu tafsir pada zaman Nabi SAW, sahabat, tabiin dan tabi tabiin.

Di samping itu, kandungan karya seharusnya perlu memuatkan perkaitan sejarah dan keilmuan tokoh-tokoh sahabat yang terkemuka dalam lapangan pentafsiran al-Quran kepada pelajar sebagaimana yang terdapat di dalam kitab *al-Itqan Fi Ulum al-Quran* hasil karangan Imam al-Suyuthi iaitu, *Khalifah al-Rasyidin* yang empat, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Mas'ud dan Ubai bin Kaab (Rosmawati Ali, 2010).

Selain itu, karya ini boleh diperluaskan lagi dengan mendedahkan kepada para pelajar berkaitan metode tafsir *Hermeneutika* yang hangat dibahaskan oleh para ilmuwan dan intelektual Muslim pada masa kini. Hal ini selaras dengan keperluan mempersiapkan dan melahirkan para ilmuwan atau generasi ulama muda al-Quran yang berilmu, matang, peka dengan isu-isu kontemporari dalam bidang tafsir al-Quran serta mampu menangkis sebarang keraguan dan syubhat yang cuba ditimbulkan terhadap pentafsiran al-Quran dan kesucian al-Quran seperti apa yang cuba dibawa oleh metode tafsir *Hermeneutika* ini ( Ammar Fadzil, 2015).

Justifikasinya adalah kerana terdapat kalangan segelintir sarjana Muslim yang terpengaruh dengan metodologi tafsir *hermeneutik* seperti Muhamad 'Abid al-Jabiri, Mohamad Arkoun, Fazlur Rahman, Nasr Hamid Abu Zayd dan lain-lain lagi (Mohamad Hazwan, 2015). Sebagai contoh, Fazlur Rahman ada menyatakan bahawa, "*al-Quran adalah both the word of God and the word of Muhammad*". Kata-kata ini hanya menurunkan darjah ketinggian dan kemuliaan al-Quran dan cuba menyamakan dengan kitab-kitab lain (Ugi Suharto, 2003).

Selain itu, perlu didedahkan kepada pelajar mengenai contoh-contoh pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran yang tersasar dan menyeleweng daripada hukum syarak yang dilakukan kelompok Muslim Liberal seperti Muhammad Syahrur dalam isu aurat wanita yang beranggapan bahawa "*pakaian tertutup yang kini dinamai hijab (jilbab) bukanlah kewajiban agama tetapi ia adalah satu bentuk pakaian yang dituntut oleh kehidupan bermasyarakat dan lingkungan serta dapat berubah dengan perubahan masyarakat*"(Wan Hakimin, 2015).

## KESIMPULAN

Apa yang boleh dirumuskan ialah karya *Ulum al-Quran* dan *Faidh al-Rahman Fi Bayan Ulum al-Quran* memberi sumbangan yang besar dan signifikan kepada perkembangan *Ulum Quran* di Malaysia. Setiap bab dan isi kandungan kedua-dua buku ini berperanan memberikan kefahaman dan pengetahuan yang mendalam terhadap *Ulum al-Quran*. Namun begitu, terdapat ruang-ruang yang boleh diambil perhatian untuk ditambah baik dan diterokai dengan lebih mendalam. Di samping itu, usaha untuk menambahkan lagi buku-buku rujukan berkaitan *Ulum al-Quran* dalam negara kita perlu dipergiat dan dicambahkan lagi. Hal ini

bagi melahirkan generasi al-Quran yang berilmu, beriman, beramal dan kental dalam mempertahankan kemuliaan dan keagungan al-Quran sebagai sumber wahyu dan rujukan kepada seluruh umat manusia.

Kita juga menyedari bahawa al-Quran merupakan sumber rujukan tertinggi umat Islam dan Syariat Islam adalah bersumberkan kepada al-Quran. Ini kerana Syariat Islam adalah daripada Rabbul Jalil yang mana ia bersumberkan wahyu al-Quran dan bukan ciptaan manama makhluk (Abdul Basit, 2012). Dengan kefahaman yang mendalam terhadap *Ulum al-Quran*, maka ia akan menambahkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, bagi memperkasakan lagi semangat kecintaan terhadap al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, maka pengajaran dan pembelajaran al-Quran perlu terus dipertingkatkan dan dipergiatkan kepada seluruh peringkat umat Islam. Hal ini bagi melahirkan generasi yang celik al-Quran yang bukan sahaja boleh membaca al-Quran dengan betul tetapi mampu memahami isi kandungan al-Quran dengan sempurna. Selain itu, kelas-kelas pengajian *Ulum al-Quran* perlulah dipertingkatkan. Ianya tidak sekadar pada kuliah-kuliah di antara waktu Maghrib dan Isyak sahaja, tetapi juga perlu dibuat secara *tafaqquh* atau pengajian berkitab pada waktu-waktu tertentu yang lebih sesuai seperti Kuliah Duha dan sebagainya.

Para ilmuwan dan sarjana Muslim juga disarankan menguasai *Ulum al-Quran* dengan jitu dan komprehensif kerana ia dapat mengenal pasti bentuk-bentuk pentafsiran al-Quran yang menyeleweng dan berupaya menyediakan hujah dan jawapan bagi menjawabnya seperti mana dinyatakan dalam buku *Ensiklopedia Britannica* yang membawa kesamaran kepada al-Quran dengan hujah, “aneh dan menghairankan apabila tidak terdapat ayat al-Quran itu sesuatu yang menunjukkan keesaan Penciptanya”. Justeru itu, Dr. Fadal Hassan Abbas telah menulis sebuah buku yang bertajuk “*Qadaya Qur’aniyyah Fi al-Mawsu’ah al-Britaniyyah, Naqd Mata’in Wa Radd Syubhat*” bagi menjawab tohmahan tersebut (Zulkifli Mohd Yusoff dan Fikri Mahmud, 2010). Ini kerana, pihak-pihak yang cuba mendatangkan kesamaran dan keraguan terhadap ajaran Islam seperti kelompok orientalis, penyokong aliran Islam Liberal dan Pluralisme Agama akan menumpukan serangan mereka kepada tiga faktor kekuatan umat Islam iaitu, al-Quran, al-Sunnah dan Syariat Islam (Mohamad Kamil dan lain-lain, 2006), (Riduan Mohamad Nor, 2006).

Oleh yang demikian, mempelajari dan menguasai *Ulum Quran* merupakan satu keperluan dan keutamaan kepada setiap pelajar Muslim, ilmuwan dan para pendakwah pada masa kini. Menguasai *Ulum al-Quran* berupaya menghayati kesucian dan keagungan wahyu Allah SWT dan berperanan menangkis sebarang syubhah dan kesamaran yang cuba ditimbulkan oleh mana-mana pihak terhadap al-Quran.

## PENGHARGAAN

Abdul Halim bin Abdul Karim merupakan pensyarah di Jabatan Syariah manakala Umi Rahimah binti Abd. Wahab merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Quran dan Sunnah, KUIPSAS.

Penulis boleh dihubungi di alamat email seperti berikut: [abdhalm@kuipsas.edu.my](mailto:abdhalm@kuipsas.edu.my) dan [umirahimah86@yahoo.com](mailto:umirahimah86@yahoo.com).

## RUJUKAN

- Abdul Basit Abdul Rahman, (2012), *Keindahan Islam, Hikmah-Hikmah Di sebalik Pensyariatan*, Kuala Lumpur, Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abdoul Karim Toure & Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, (2014), *Faidh al-Rahman fi Bayan Ulum al-Quran*, , Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Ahmad Sunawari Long, (2016), *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Akli Ahmad, (2015), *Risalah Fikriyyah Menghuraikan Matan Jauharah*, Kuala Lumpur, Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Quran al Karim.
- Ammar Fadzil, (2015), *Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tafsir* (Modul Sarjana Pengajian Islam OUM), Open University Malaysia (OUM).
- Asmawi Haji Ehsan, (2010), *Ulum al-Quran*, Selangor Darul Ehsan, Pustaka Haji Abdul Majid.
- Fadal Hassan Abbas, (2010), *Membongkar Dakwaan Palsu Orientalis Terhadap al-Quran* (diterjemah oleh Zulkifli Mohd Yusoff & Fikri Mahmud), Selangor Darul Ehsan, PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Fauzi Deraman & Mustaffa Abdullah, (2006), *Pengantar Usul Tafsir*, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam UM dan Intel Multimedia and Publication.
- Manna Khalil al-Qattan, (2007), *Mabahith fi Ulum al-Quran*, Kaherah, Maktabah Wahbah.
- Mohamad Hazwan Hamri & Muhammad Firdaus Haji Abdul Manaf, (2015), *Metodologi Hermeneutika Dalam Mentafsir al-Quran*, Kertas Kerja International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2015 (IRSYAD 2015), Kuala Lumpur.
- Mohamad Kamil Abd. Majid, Fauzi Deraman, Mohd Asri Zainal Abidin & Adnin Armas, (2006), *Islam Liberal: Tafsiran Agama Yang Kian Terpesong*, Shah Alam, Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Mohd Asri Zainal Abidin, (2012), *Fitnah Terhadap Sahabat Rasulullah SAW*, PTS Islamika Sdn. Bhd., Batu Caves, Selangor.
- Mohd Salleh Haji Ahmad, (2016), *Pengantar Syariat Islam*, Selangor Darul Ehsan, Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mustaffa Abdullah, (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil, (2006), *Siri Serangan Pemikiran Islam Liberal dan Pluralisme Agama*, Selangor Darul Ehsan, MHI Publication.
- Rosmawati Ali, (2010), *Pengantar Ulum al-Quran*, Kuala Lumpur, Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Muhd. Najib Abdul Kadir, (2013), *Kritikan Muslim Liberal terhadap Ulum al-Qur'an: Suatu Kecenderungan Baru dalam Tafsiran al-Qur'an*, Jurnal Islamiyyat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Bil. 35(2), m/s 83 – 88.

Ugi Suharto, (2003), *Apakah al-Quran memerlukan Hermeneutika?* Jurnal Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil 17, m/s 123-136.

Wan Hakimin Wan Mohd Nor & Nik Mohd Nabil bin Ibrahim, *Metodologi Tafsiran Muhammad Syahrur Dalam Isu Batasan Aurat Wanita*, Kertas Kerja International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2015 (IRSYAD 2015), Kuala Lumpur.

Universiti Sains Islam Malaysia, (2019), *Direktori Telefon & Emel Staf*,  
<https://www.usim.edu.my/ms/direktori>